

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

CSI511 - Sistem Maklumat Pengurusan

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** soalan di dalam **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **EMPAT** soalan sahaja.
 - Anda boleh memilih untuk menjawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
-

1. (a) Tidak boleh dinafikan bahawa pemprosesan data berkomputer ialah satu bahagian yang penting dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran sesebuah universiti, khususnya tentang proses pendaftaran pelajar. Sebagai seorang Pegawai Maklumat Kanan (Chief Information Officer), apakah opsyen yang anda ada sekiranya pusat IT universiti anda dimusnahkan oleh kebakaran beberapa hari sebelum hari pendaftaran semester bermula?
(40/100)
- (b) Apakah trend teknologi utama yang menjadikan perunsingan isu etika tentang pengkomputeran?
(30/100)
- (c) Patutkah pengeluar perkhidmatan yang berasaskan perisian seperti ATM dipertanggungjawabkan bagi kecederaan ekonomi yang disebabkan kegagalan sistem itu ?
(30/100)
2. (a) Ada yang mengatakan bahawa penciptaan sistem maklumat yang berasaskan komputer ialah satu proses sosial. Maka, bincangkan dan berikan pandangan anda bahawa seseorang yang berkecimpung dalam teknologi maklumat adalah tidak sesuai untuk merekabentuk sistem maklumat yang berasaskan komputer.
(50/100)
- (b) Huraikan lima ciri-ciri yang unik tentang maklumat berbanding dengan sumber-sumber lain yang terdapat di sesuatu organisasi.
(30/100)
- (c) Terangkan sebab-sebabnya maklumat dianggap sebagai satu sumber yang strategik di dalam sesuatu organisasi dewasa ini.
(20/100)
3. (a) Huraikan cara-cara model kuasa saingan dapat digunakan untuk mengenalpastikan peluang bagi sistem maklumat strategik?
(40/100)
- (b) Apakah tiga daripada beberapa cara yang dapat mengubahkan basis daya persaingan melalui penggunaan IT?
(30/100)
- (c) Kenapakah kelebihan saingan begitu susah untuk dipertahankan ?
(30/100)

4. (a) Anda seorang pereka sistem maklumat dan telah ditugaskan untuk membangunkan sebuah sistem perakaunan yang baru untuk bahagian syarikat anda. Apakah faktor organisasi yang harus anda mengambil kira untuk tugas tersebut ?
(40/100)
- (b) Huraikan setiap teori ekonomi yang cuba menarangkan cara-cara sistem maklumat mempengaruhi organisasi.
(30/100)
- (c) Apakah empat perubahan persekitaran yang memerlukan BPR di sesebuah organisasi?
(30/100)
5. (a) Huraikan setiap daripada empat model membuat keputusan. Apakah nama, konsep asas, dan corak penarikan kesimpulan utama bagi setiap model yang dihuraikan oleh anda?
(40/100)
- (b) Bagaimanakah sistem maklumat dapat membantu seseorang pengurus dan memperbaiki proses membuat keputusan yang bercorakan pengurusan?
(30/100)
- (c) Apakah lima sebab utama tentang kesukarannya pengenalan sistem maklumat yang berasaskan komputer kepada sesuatu organisasi?
(30/100)
6. (a) Kenapakah sistem maklumat yang berasaskan komputer begitu terdedah kepada kemusnahan, ralat, penipuan dan penyalahgunaan?
(30/100)
- (b) Terangkan kepentingan pengambilan sumber dari luar untuk sistem maklumat.
(30/100)
- (c) Huraikan sebab-sebab kenapa kejayaan sesuatu sistem maklumat adalah satu perkara yang begitu sukar nak ditentukan.
(40/100)